



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
IMPLIKATUR DALAM FILEM PATRIOTIK

NORHIDAYU BINTI HASAN

FBMK 2018 21



IMPLIKATUR DALAM FILEM PATRIOTIK



Oleh

NORHIDAYU BINTI HASAN

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Mac 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

IMPLIKATUR DALAM FILEM PATRIOTIK

Oleh

NORHIDAYU BINTI HASAN

Mac 2018

Pengerusi : Profesor Madya Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Implikatur dijelaskan sebagai penggunaan ujaran yang mengandungi makna tersirat. Implikatur terhasil apabila ujaran melanggar Prinsip Kerjasama Grice dan perlu dianalisis berdasarkan konteks untuk mendapatkan makna sebenar ujaran. Dalam kajian ini penyelidik telah menyenaraikan tiga objektif kajian iaitu mengenal pasti penggunaan implikatur dalam filem patriotik, menganalisis makna implikatur dalam filem patriotik berdasarkan Teori Relevans, dan menghuraikan tujuan penggunaan implikatur dalam dialog filem patriotik. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan pustaka dan analisis teks. Sebanyak sembilan buah filem patriotik iaitu filem Sarjan Hassan (1958), Bukit Kepong (1981), Darah Satria (1983), Leftenan Adnan (2000), Embun (2002), Paloh (2003), 1957 Hati Malaya (2007), Tanda Putera (2013), dan Bravo 5 (2015) dijadikan bahan kajian. Pengkaji menyalin semula dialog dari filem yang dipilih bersumberkan cakera padat. Namun, hanya dialog yang mengandungi implikatur dijadikan data kajian. Ujaran dialog berimplikatur yang dianggap mempunyai makna tersirat, sesuai untuk dianalisis berdasarkan teori serta menepati objektif kajian dijadikan data kajian. Pemilihan petikan dialog dari filem patriotik adalah berdasarkan karya yang bermutu kerana filem yang dipilih pernah tercalon dan memenangi anugerah Festival Filem Malaysia, Festival Filem Antarabangsa dan Festival Filem Asia Pasifik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat penggunaan implikatur dalam dialog filem patriotik berdasarkan penelitian terhadap ujaran yang melanggar Maksim Kerjasama Grice dan menepati ciri implikatur itu sendiri seperti yang telah digariskan oleh ahli pragmatik sebelum ini. Hasil kajian juga mendapati bahawa penekanan konteks, kesan konteks dan usaha memproses penting bagi membantu dalam interpretasi makna implikatur. Penerapan Teori Relevans bukan sahaja dapat membantu dalam menginterpretasi makna ujaran malah dapat menunjukkan niat atau tujuan implikatur tersebut. Analisis makna implikatur ini dapat menjelaskan tujuan penggunaan implikatur dalam dialog yang terpilih. Penggunaan implikatur secara tidak langsung dapat mempamerkan nilai keintelektualan penutur dalam komunikasi.

Kata kunci: Implikatur, Pragmatik, Teori Relevans, Filem.

Abstract of this thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Art

IMPLICATURE IN PATRIOTIC FILMS

By

NORHIDAYU BINTI HASAN

March 2018

Chairman : Associate Professor Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

Implicature has been described as the use of sentences that contain implied meaning. Implicature is produced when an utterance violating the Grice Cooperation Principle and need to be analyzed based on the context to get the true meaning of the utterance. In this study, researcher had listed three research objectives that are identifying the use of implicature in patriotic films, analyze the implicature meaning in patriotic films based on The Relevance Theory and describes the purpose of implicature use in the dialogue of the patriotic film. This study used literature review and text analysis methods. A total of nine patriotic films were selected to be used as a study material that is Sarjan Hassan (1958), Bukit Kepong (1981), Darah Satria (1983), Leftenan Adnan (2000), Embun (2002), Paloh (2003), 1957 Hati Malaya (2007), Tanda Putera (2013), and Bravo 5 (2015). The researcher wrote the dialogue from the selected films. However, only dialogue that contains implicature is used as a research data. Implicature dialogues which is considered to have implicit meaning, suitable for analysis based on theory as well as meeting the objective of the research is used as research data. The selection of dialogues from patriotic films is based on quality work as the selected films have been nominated and won the Malaysia Film Festival, the International Film Festival and the Asia Pacific Film Festival. The findings show that there are an implicatures used in patriotic films dialogues based on a violation of Grice Cooperation Maxim and fulfill the implicature features themselves as outlined by pragmatic experts before. The findings also found the contextual emphasis, contextual impacts, and processing efforts were important to assist in the interpretation of implicature meaning. The application of Relevance Theory can help in interpreting the meaning of the utterance and express the implicature intention or purpose. An analysis of this implicature meaning can explain the purpose of implicature uses in selected dialogues. Implicature uses can show the speaker's intellectual value of communication.

Keywords: Implicature, Pragmatic, Relevance Theory, Film.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang

Ucapan kesyukuran saya titipkan ke hadrat Ilahi kerana dengan keizinan dan limpah kurnia-Nya saya telah berjaya menyempurnakan tesis yang berjudul "Implikatur Dalam Filem Patriotik".

Penghargaan dan ucapan terima kasih terlebih dahulu saya tujukan kepada pengerusi jawatankuasa penyeliaan iaitu Prof. Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar ketika saya menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih juga saya titipkan kepada ibu Faridah Daud yang tidak putus mendoakan kesejahteraan diri ini serta tidak jemu memberi kata semangat dan juga ayah Hasan Yusof yang tidak lekang memberi motivasi ketika diri ini kebimbangan. Doa dan restu ayah ibu semestinya pemangkin kepada kejayaan anakanda.

Ucapan terima kasih dengan penuh keikhlasan dan kasih sayang kepada kedua adinda, Norazwani dan Norazilah yang banyak memberi bantuan dari segi kewangan serta sokongan moral. Adinda berdua umpama ibu kedua untuk diri ini. Jasa dan budi baik adinda berdua amat dihargai dan tidak mampu dibalas walau diberi masa sejuta tahun.

Kepada saudara tidak sedarah yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan terutamanya Nor Afiza, segala pertolongan, kata-kata semangat adinda amat saya hargai. Sesungguhnya tanpa hadirnya kalian dalam hidup ini semua perjalanan akan sukar untuk dijalani.

Akhir kata, segala yang baik dan terpuji itu hanya datang dari-Nya.

Norhidayu Hasan

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 21 Mac 2018 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Norhidayu binti Hasan bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Implikatur dalam Filem Patriotik” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Nor Azuwan binti Yaakob, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ahmad Mahmood bin Musanif, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Maslida Yusof, PhD

Profesor Madya
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



NOR AINI AB. SHUKOR, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 24 Mei 2018

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Zaitul Azma Binti Zainon Hamzah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Kamariah Binti Kamarudin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Norhidayu Binti Hasan, GS46023

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyelian sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa Profesor Madya
Penyeliaan: Dr. Zaitul Azma Binti Zainon Hamzah

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa Profesor Madya
Penyeliaan: Dr. Kamariah Binti Kamarudin

ISI KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi

BAB

1	PENDAHULUAN	1
	Latar Belakang Kajian	1
	Penyataan Masalah	7
	Objektif kajian	9
	Kepentingan kajian	9
	Batasan kajian	10
	Bahan Kajian	11
	Definisi Operasional	11
	Kesimpulan	12
2	SOROTAN LITERATUR	13
	Pengenalan	13
	Kajian Tentang pragmatik	13
	Kajian tentang implikatur	17
	Kesimpulan	24
3	METODOLOGI KAJIAN	25
	Pengenalan	25
	Reka Bentuk Kajian	25
	Konsep Dan Kerangka Teori	25
	Kaedah Kajian	34
	Kesimpulan	35
4	DAPATAN DAN PERBINCANGAN	37
	Pengenalan	37
	Kesimpulan	87
	Rasional Teori Dengan Dapatan Kajian	88
	Implikasi dapatan kajian	89

5	RUMUSAN DAN CADANGAN	90
	Pengenalan	90
	Rumusan	90
	Cadangan kajian	94
	Penutup	95
	RUJUKAN	96
	LAMPIRAN	102
	BIODATA PELAJAR	112



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1 Makna Linguistik Data 1	49
2 Makna Linguistik Data 2	51
3 Makna Linguistik Data 3	54
4 Makna Linguistik Data 4	56
5 Makna Linguistik Data 5	58
6 Makna Linguistik Data 6	60
7 Makna Linguistik Data 8	65
8 Makna Linguistik Data 9	67
9 Makna Linguistik Data 10	70

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1	Kerangka Konseptual	36
2	Proses Menghuraikan Implikatur Jenis Ayat Figuratif	43



BAB 1

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Bahasa adalah satu sistem bunyi yang boleh difahami dan bermakna. Sistem ini dipersetujui dan digunakan sebagai satu alat komunikasi dalam sebuah kelompok sosial. Malah, bahasa juga memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia kerana bahasa membentuk makna yang boleh digunakan untuk menyampaikan sesuatu mesej. Menurut Yahya Othman (2005) dari sudut linguistik, bahasa adalah satu sistem bunyi vokal dan konsonan yang digunakan dalam komunikasi manusia sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan. Dalam pada itu, Abdullah Hassan (2009) menyatakan bahawa bahasa adalah satu asas pembentukan tamadun kerana menerusi bahasa, pandangan hidup, pemikiran, perasaan dapat digambarkan dalam karya setelah bangsa itu menanggapi alam semula jadi.

Harimurti Kridalaksana (2005) berpendapat bahawa bahasa adalah satu sistem tanda. Setiap bahagian bahasa mewakili sesuatu. Seterusnya sistem tanda ini akan menimbulkan reaksi yang sama apabila sesebuah kelompok masyarakat menanggapi perkara atau benda yang diwakili. Bahasa turut memainkan peranan dalam komunikasi atau perbualan lisan. Dalam perbualan misalnya, ketepatan penggunaan bahasa dan makna akan mempengaruhi kelangsungan pengaliran idea atau pemikiran antara kedua-dua pihak. Di samping itu, dalam komunikasi sesetengah masyarakat khususnya masyarakat Melayu, masyarakat ini sering menggunakan atau menyatakan sesuatu perkara, mesej, hajat atau perasaan melalui ujaran yang tersirat. Penggunaan ujaran seperti ini dikenali sebagai implikatur. Menurut Yassir Nasanius (2007) implikatur adalah ujaran yang menjurus kepada sesuatu yang ingin disampaikan, dikatakan atau ditulis oleh penutur namun tidak dinyatakan secara langsung.

Istilah implikatur adalah berasal daripada perkataan "*implicate*" yang membawa maksud perbualan seseorang yang melanggar hukum. Menurut R. Kunjana Rahardi (2005) dalam ujaran implikatur, hubungan antara ujaran dengan maksud yang cuba disampaikan adalah sesuatu yang tidak sempurna kerana perlu melihat konteks situasi yang menyebabkan ujaran tersebut timbul. Tambahan pula, Junaiyah H.M dan E. Zaenal Arifin (2010) menjelaskan bahawa implikatur adalah ujaran yang mempunyai makna tersirat daripada apa yang dikemukakan oleh penutur. Makna yang berlainan itu dikemukakan secara implisit bukannya secara eksplisit. Selain itu Junaiyah H.M dan E. Zaenal Arifin (2010) turut menyatakan bahawa dalam konteks wacana, implikatur adalah sesuatu yang menjadi pembicaraan iaitu menjadi penghubung antara apa yang diujarkan dengan apa yang dimaksudkan. Hal ini jelas digambarkan menerusi contoh yang dinyatakan tersebut.

- (1) (dengan malu-malu, seorang ibu minta dibelikan baju hangat kepada anaknya yang akan pergi berbelanja)
Ibu: sekarang ujan melulu, ibu sering kedinginan. Ibu enggak punya baju hangat. Di pasar ada, ya?
Anak: ada, nanti dibelikan. Ukurannya M apa L, ya, bu?

(Keutuhan Wacana, 2010:11)

Menerusi contoh yang dinyatakan Junaiyah H.M dan E. Zaenal Arifin (2010), ujaran ibu itu mempunyai maksud yang tersirat iaitu ingin menyuruh anaknya membeli baju untuk dirinya. Namun jika dilihat menerusi contoh yang diberikan, ujaran ibu adalah berbeza daripada apa yang dimaksudkan. Lain daripada itu, Sudaryono (1999) menjelaskan bahawa implikatur adalah makna ujaran yang difahami pendengar berbeza dengan makna literal. Contoh yang diberikan Sudaryono (1999) untuk menerangkan penggunaan implikatur adalah seperti berikut:

- (2) dik, sekarang sudah pukul 10.00 malam
a) waktu menunjukkan pukul 10.00 malam
b) sebaiknya anda pulang segera.

(Ketaksaan Dalam Komunikasi Verbal, 1999:104)

Ujaran b adalah mewakili makna implikatur bagi contoh tersebut. Maksud sebenar yang cuba di sampaikan adalah tidak dinyatakan secara terus kerana pendengar dan penutur mempunyai titik persamaan atau "*common ground*". Tanggapan pendengar adalah penghubung antara implikatur dan sesuatu ujaran. Selain itu juga, implikatur tidak dapat difahami menerusi kamus bahasa sahaja tetapi harus memahami konteks perbualan masyarakat penutur (Sudaryono, 1999).

Sementara itu Yendra (2016) menjelaskan bahawa implikatur seperti yang dinyatakan Grice (1975) adalah sesuatu yang boleh dijelaskan sebagai ujaran yang dinyatakan adalah berbeza daripada apa yang dimaksudkan oleh penutur. Zulkifley Hamid (2006) berpendapat dalam sesebuah komunikasi, penutur akan patuh kepada maksim yang telah dinyatakan oleh Grice. Jika maksim perbualan dilanggar, implikatur akan terbentuk. Tambahan pula, Suraiya Chapakiya (2015) menjelaskan penggunaan implikatur adalah proses pentafsiran makna tersirat ujaran yang dituturkan secara langsung untuk menyatakan mesej penutur secara berhemah dan menjaga perasaan pendengar atau pembaca. Menurut Yassir Nasanius (2007), Gazdar telah menetapkan bahawa implikatur dapat dikelaskan kepada dua iaitu implikatur khusus (konvensional) dan implikatur perbualan.

Huang (2015:61) menyatakan implikatur konvensional adalah inferes tidak bersyarat kenyataan yang secara umum dan cara kebetulannya tidak timbul (deduksi) daripada apa yang diperkatakan, tetapi muncul semata-mata kerana fitur konvensional yang terikat kepada item leksikal dan/atau konstruksi linguistik tertentu. Menurut Winda Sulistyowati (2012) pula, implikatur konvensional adalah implikatur yang diperoleh secara langsung daripada makna literal perkataan dan bukan mengikut prinsip ujaran. Seterusnya, ciri implikatur konvensional menurut Huang (2015) adalah implikatur konvensional tidak terbit daripada prinsip kerjasama dan maksim komponen tetapi dikaitkan dengan item leksikal tertentu. Selain itu, implikatur konvensional menurut pandangan Junaiyah H.M dan E. Zaenal Arifin (2010) adalah satu implikatur yang bersifat umum dan konvensional. Contohnya seperti dalam ayat berikut.

- (3) "Obama kemarin napak perjalanan Abraham Lincoln, tokoh yang dikaguminya. "mutiara hitam itu" naik kereta api dari Philadelphia menuju Washington, seperti yang dilakukan Lincoln, untuk mengikuti acara pelantikan dirinya."

(Keutuhan Wacana, 2010:12)

Menerusi contoh yang dinyatakan, Junaiyah H.M dan E. Zaenal Arifin (2010) menjelaskan bahawa ujaran "mutiara hitam" merujuk kepada Obama kerana telah diketahui secara umum bahawa Presiden Amerika itu berkulit hitam.

Selain itu, dalam setiap komunikasi penutur saling bekerjasama dengan rakan bicara agar komunikasi atau mesej yang disampaikan adalah tepat dan berkesan. Penutur atau sesebuah perbualan itu perlu mematuhi prinsip kerjasama yang dapat diterjemahkan kepada empat maksim. Jika maksim itu dipatuhi maka perbualan itu adalah berkesan. Namun, dalam kehidupan seharian prinsip kerjasama itu tidak dipatuhi. Junaiyah H.M dan E. Zaenal Arifin (2010) menjelaskan bahawa implikatur percakapan atau perbualan adalah maksud ujaran bergantung kepada konteks percakapan. Seterusnya, Winda Sulistyowati (2012) menjelaskan implikatur perbualan turut dikenali sebagai implikatur nonkonvensional iaitu implikatur yang mempunyai makna yang berbeza daripada sesuatu ujaran tersebut.

Menurut Huang (2015), dalam teori implikatur perbualan terdapat prinsip yang menentukan penggunaan bahasa secara cekap dan berkesan bagi mencapai tujuan sesuatu komunikasi itu. Prinsip tersebut dinamakan sebagai prinsip kerjasama yang dibahagikan kepada sembilan maksim perbualan yang dapat dikelaskan kepada empat kategori iaitu kualiti, kuantiti, hubungan dan gaya. Dalam sesuatu perbualan atau komunikasi, prinsip kerjasama dan maksim komponen berperanan memastikan jumlah maklumat yang telah disampaikan dan interaksi yang terjalin adalah jujur, jelas dan relevan. Seterusnya bagi kategori kualiti dalam maksim, perkara yang ditekankan adalah mesej yang ingin dinyatakan harus benar dan mempunyai bukti. Kategori kuantiti pula menekankan maklumat yang disampaikan harus menepati maklumat yang

diperlukan. Selain itu, maksim perbualan bagi komponen hubungan memerlukan setiap maklumat tersebut harus relevan dan kategori gaya adalah ujaran seharusnya jelas supaya masalah seperti ungkapan samar dan ketaksaan dapat dielakkan. Huang (2015) juga menjelaskan bahawa penutur boleh mematuhi maksim, melanggar maksim dan sengaja memilih keluar daripada maksim. Huang (2015) menyatakan bahawa Grice telah menjelaskan bahawa implikatur perbualan adalah ujaran yang mengandungi mesej yang cuba disampaikan namun tidak dinyatakan secara langsung menerusi ujaran tersebut. Contoh yang jelas boleh dilihat menerusi ujaran tersebut:

- (5) John : What's the time?
Mary : The museum hasn't opened yet.

(Pragmatik, 2015:30)

Menerusi contoh tersebut, Mary seharusnya memberikan jawapan dengan menyatakan masa mengikut pertanyaan yang diujarkan oleh John. Oleh itu, ujaran Mary ini adalah tidak relevan dan telah melanggar maksim perbualan. Walaupun ujaran tersebut melanggar maksim, John tetap sahaja memahami maksud Mary dengan membuat kesimpulan masa pada ketika itu. Implikatur perbualan seperti yang dinyatakan Grice, terbahagi kepada dua iaitu implikatur perbualan umum dan implikatur perbualan khusus (Huang, 2015). Contoh berikut menjelaskan perbezaan implikatur perbualan umum dan implikatur perbualan khusus.

- (6) (a) most of John's friends believe in marriage.
+> not all of John's friends believe in marriage.
(b) John: where's Peter?
Mary: the light in his office is on
+> Peter is in his office

(Pragmatik, 2015, 34)

Menerusi contoh yang diberikan, ujaran (a) adalah pernyataan secara umum. Penelitian makna ujaran itu tidak memerlukan pemerhatian terhadap konteks perbualan atau pun hubungan antara penutur dan pendengar. Manakala melalui ujaran (b) pemahaman maknanya bergantung kepada konteks perbualan, hubungan dan juga pengetahuan yang dikongsi antara penutur dan pendengar (Huang, 2015)

Selain itu, Huang (2015) turut menjelaskan ciri implikatur perbualan dapat dibahagikan kepada beberapa aspek iaitu ketidaksahihan atau kebolehbatalan. Implikatur perbualan boleh terbatal jika implikatur tidak sejajar dengan semantik, andaian latar belakang, konteks dan tujuan utama implikatur. Ciri yang kedua adalah ketidakbolehpisahan. Apa sahaja ujaran yang mempunyai kandungan semantik yang sama akan mempunyai implikatur perbualan yang sama. Ciri yang ketiga adalah kebolehkiraan. Ciri ini

menjelaskan bahawa implikatur perbualan boleh diperoleh melalui prinsip kerjasama dan maksim. Seterusnya, ciri keempat adalah ciri bukan konvensional iaitu setiap perbualan bergantung pada penutur dan sesuatu ujaran, bukannya susunan ayat yang digunakan dalam ujaran. Ciri seterusnya adalah kebolehuatkuasaan. Implikatur perbualan boleh dijadikan eksplisit tanpa berlakunya kelewahan dan yang terakhir adalah keuniversalan. Manakala, Nor Hashimah Jalaluddin (1992) turut menjelaskan lima ciri yang perlu ditekankan dalam implikatur perbualan iaitu maklumat asal boleh dibatalkan dan boleh mengubah konteks serta kesan terhadap perbualan jika penutur dan pendengar masih berbual tentang perkara yang sama. Seterusnya, sesuatu ujaran boleh dinyatakan dengan gaya yang berbeza tetapi tidak boleh mengubah makna asal ujaran tersebut. Selain itu, pernyataan ujaran itu juga tidak membawa maksud yang sebenar. Contohnya penggunaan ironi, bahasa terbalik, metafora dan sebagainya. Ironi adalah ujaran yang mengandungi makna implisit yang diujarkan secara eksplisit dengan tujuan untuk menyindir pendengar. Metafora pula adalah menganalisis makna secara implisit bagi mendapatkan makna sebenar yang ingin disampaikan penutur (Nor Hashimah Jalaluddin, 1992).

Implikatur adalah salah satu cabang bidang kajian pragmatik. Menurut Levinson seperti yang dinyatakan dalam Nor Hashimah Jalaluddin (1992), pragmatik adalah analisis ujaran yang taksa, elipsis dan sebagainya. Ilmu pragmatik juga digunakan dalam memperoleh makna implisit sesuatu ujaran serta melihat tujuan sebenar ujaran yang disampaikan daripada penutur kepada pendengar. Malah, ilmu pragmatik diperlukan untuk menentukan makna sebenar ujaran seperti menyelesaikan masalah ujaran yang mempunyai ketaksaan dan kekaburan makna serta mencari rujukan terhadap ujaran yang disampaikan. Secara ringkasnya, ilmu pragmatik membantu menjelaskan makna implisit yang terkandung dalam ujaran eksplisit.

Tugas utama ilmu pragmatik adalah menerangkan atau menganalisis makna ujaran yang tidak dapat diterangkan menerusi pengkajian terhadap makna literal ayat sematamata. Tambahan pula Siti Hajar Abdul Aziz (2010) menjelaskan bahawa secara umumnya bidang pragmatik adalah bidang kajian yang meneliti perlakuan manusia dan berkaitan dengan kajian tanda bukan linguistik serta lambang bahasa. Selain itu, pragmatik juga boleh diterangkan sebagai bidang ilmu yang meneliti perlakuan manusia ketika pemberian dan penerimaan tanda dalam sesuatu situasi perbualan. Siti Hajar Abdul Aziz (2010) turut menekankan bahawa pragmatik adalah penggunaan bahasa penutur berdasarkan konteks situasi. Seterusnya pragmatik dikaitkan dengan bidang kajian makna dalam perbualan yang diinterpretasikan oleh pendengar atau pembaca. Pragmatik juga menekankan tujuan makna berdasarkan konteks situasi kerana situasi turut mempengaruhi ujaran yang disampaikan. Pragmatik juga adalah satu kajian yang mengkaji jarak keakraban antara penutur dengan pendengar yang membolehkan pengetahuan antara penutur dengan pendengar adalah sama serta dapat menentukan pemahaman sesuatu ujaran. Siti Hajar Abdul Aziz (2010) menjelaskan, seperti yang telah dinyatakan oleh Levinson (2000) pragmatik melibatkan tiga aspek penggunaan bahasa iaitu kajian terhadap perbualan dan kemahiran berbual, kajian terhadap hubungan antara pragmatik dengan aras bahasa yang lain dan kajian terhadap penentu penggunaan bahasa mengikut situasi.

Menurut Yule (1996), pragmatik adalah bidang yang mengkaji makna perbualan yang diujarkan oleh penutur dan makna itu diinterpretasikan oleh pendengar. Bidang pragmatik lebih berkait rapat dengan makna ujaran atau perkara tersirat yang cuba diberitahu oleh penutur berbanding menganalisis makna literal perkataan itu. Penganalisan makna ujaran dipengaruhi oleh konteks situasi. Selain itu, konteks situasi ini penting untuk pendengar menganalisis makna ujaran yang tidak diujarkan secara langsung oleh penutur. Analisis makna juga bergantung kepada keakraban yang membolehkan pendengar menerima apa sahaja ujaran yang diutarakan tanpa menginterpretasikan makna sebenar ujaran tersebut.

Bidang pragmatik jelas menekankan hubungan ujaran dengan makna sebenar yang ingin disampaikan penutur berdasarkan sesuatu konteks situasi. Maksud konteks menjadi tumpuan utama dalam bidang pragmatik. Menurut Thomas (1995), manusia kadang kala tidak menyatakan niat, perasaan atau mesej mereka dengan pernyataan secara terus. Manusia juga menggunakan ujaran yang boleh ditafsirkan terus atau bertentangan dengan maksud yang ingin dinyatakan. Tambahan pula, Thomas (1995) turut menjelaskan peringkat makna dalam bidang pragmatik. Terdapat tiga peringkat makna yang dapat dikelaskan. Pertama adalah peringkat makna abstrak. Makna abstrak adalah makna literal sama ada dari bentuk kata, frasa, klausa atau ayat. Perubahan makna dari makna abstrak kepada makna kontekstual dilakukan setelah pendengar merujuk kepada kata atau ayat. Peringkat makna yang ketiga adalah apabila pendengar mengetahui niat atau mesej penutur berdasarkan makna ujaran yang telah diinterpretasikan.

Menurut Levinson (1983), pragmatik adalah bidang yang mengkaji penggunaan bahasa di samping melibatkan penganalisan ayat yang janggal atau kekok dalam komunikasi untuk mendapatkan makna sebenar ujaran. Makna ujaran penutur tidak boleh dianalisis secara terus tetapi konteks situasi perlu diambil kira. Yule (2006) menjelaskan bahawa makna adalah tidak berdasarkan perkataan sahaja tetapi bergantung kepada pemahaman pendengar terhadap sesuatu yang disampaikan penutur.

Penyataan Masalah

Wong (2013) menjelaskan bahawa penggunaan bahasa masyarakat berjaya menggambarkan peribadi atau pemikiran masyarakat. Sikap sesebuah masyarakat juga ke banyakkannya terikat dengan budaya masing-masing dalam cara mereka berkomunikasi. Selain itu, Wong (2013) menyatakan bahawa penggunaan implisit atau implikatur dapat dikaitkan dengan kesantunan dan kehalusan peribadi seseorang di samping menggambarkan pemikiran dan berjaya menyampaikan mesej dengan berkesan. Masyarakat Melayu misalnya telah terbiasa dengan penyampaian makna yang tersirat atau implikatur dalam komunikasi. Menurut Normaliza Abdul Rahim dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2008), orang Melayu begitu mementingkan nilai budi bahasa, atau kesantunan dalam tutur. Malah, orang yang tidak menggunakan tutur kata yang sopan dianggap sebagai biadap. Tambahan pula, ungkapan tersirat ini menggambarkan kehalusan budi pekerti dan kebijaksanaan orang Melayu serta mampu memberi kesan kepada pendengar.

Selain itu, penggunaan bahasa tersirat atau implikatur juga berkait rapat dengan hasil pemikiran orang Melayu yang mampu memperlihatkan nilai budi bahasa ketika menyampaikan mesej, perasaan atau hajat dalam komunikasi. Sesuatu ujaran juga mampu menggambarkan pemikiran penutur sama ada ujaran itu ditafsirkan atau dinilai secara terus atau diinterpretasikan untuk mendapat mesej yang tersirat. Menurut Mohd Aris Anis dan Ahmad Esa (2012), masyarakat Melayu gemar melafazkan hajat atau kehendak dengan menggunakan bahasa yang dilafazkan secara berlapi atau berkias. Ungkapan berlapi atau berkias juga dikenali sebagai implikatur. Maksud ujaran kiasan tidak boleh diukur berdasarkan ujaran itu semata-mata kerana terdapat ungkapan yang mempunyai atau mendukung makna yang berbeza. Seterusnya Maslida Yusuf (1999) menjelaskan dalam perbualan, penutur gemar menyampaikan ujaran yang mempunyai makna melangkaui makna ujaran atau ungkapan yang disampaikan. Sering kali penutur tidak memaksudkan dengan apa yang dikatakan tetapi ujaran tersebut mempunyai maksud yang tersirat. Kesilapan pendengar menghuraikan maksud ujaran akan menyebabkan berlakunya gangguan penyampaian makna yang tepat. Bagi pendengar yang tidak cekap berbahasa misalnya, penggunaan implikatur atau ujaran tersirat akan menyebabkan mesej yang ingin disampaikan penutur kepada pendengar akan disalah tafsir. Implikatur sering menjadi pilihan penutur berbanding ujaran yang membawa maksud selapis untuk menyampaikan sesuatu perkara kerana adakalanya perkara yang ingin disampaikan jika dinyatakan secara langsung akan kedengaran tidak sopan, biadab atau kurang menyenangkan kepada pendengar.

Menurut Amirah Ahmad dan Nor Hashimah Jalaluddin (2013), pragmatik adalah bidang yang dapat mengkaji makna melangkaui makna harfiah. Ujaran implikatur adalah satu ujaran yang mempunyai makna tersirat. Makna implisit adalah makna yang muncul daripada ungkapan eksplisit. Makna ini juga dikenali sebagai implikatur. Selain itu Radiah Yusuf dan Nor' Aini Ismail (2000) menjelaskan bahawa makna yang disampaikan penutur boleh dinyatakan sebagai makna harfiah dan makna tidak harfiah. Makna harfiah perlu ditekankan dalam sesuatu ujaran kerana makna tersebut mempunyai makna yang berlainan daripada apa yang diujarkan penutur. Selain itu, makna tersirat juga dikaitkan dengan dengan bahasa kiasan. Bahasa kiasan juga boleh diklasifikasikan sebagai implikatur kerana bahasa kiasan terdiri daripada ungkapan yang tidak dapat ditafsirkan maknanya jika dianalisis dari segi makna literalnya sahaja.

Bidang perfileman misalnya memberi gambaran audio visual pemakaian bahasa dalam kehidupan seharian di samping mencerminkan budaya sesebuah masyarakat. Walaupun terdapat banyak artikel yang menjelaskan mengenai filem, namun kajian yang menunjukkan perincian mengenai makna ujaran watak yang terlibat adalah masih kurang dilakukan (Angelina Subrayan & Chitra Muthusamy, 2015). Selain itu juga Mohd Ghazali Abdullah (2008) berpendapat filem patriotik khususnya seperti *Embun* dan *Paloh* dilihat sebagai filem yang menggambarkan pemikiran Melayu berdasarkan gambaran cerita yang banyak berhubung kait dengan pegangan dan budaya masyarakat Melayu. Namun filem sebegini kurang dijadikan sebagai bahan kajian. Filem yang membawa isu besar seperti patriotik atau kenegaraan jarang menjadi pilihan pengkaji untuk dijadikan bahan kajian dan lebih memilih filem yang lebih santai sebagai bahan berikutan pilihan masyarakat yang gemar kepada filem tersebut (Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali, 2015).

Di samping itu menurut Shannon Ahmad (2006), filem turut berperanan menonjolkan pemikiran, sikap, pendirian dan juga bahasa sesebuah kelompok masyarakat. Bahasa itu sendiri dilihat sebagai tunjang utama dalam mencerminkan keperibadian manusia. Tambahan pula, filem yang mencapai tahap yang bermutu adalah filem yang menyampaikan mesej secara tersirat. Desilla (2012) menjelaskan bahawa kebanyakan dialog dalam filem menggunakan ujaran yang mengandungi lapisan makna atau kiasan. Penggunaan implikatur dalam filem sebenarnya mampu menjadikan filem lebih menarik dari segi bahasa di samping menyampaikan mesej secara berkesan kerana penonton perlu berfikir dengan lebih mendalam.

Menurut Winda Sulistyowati (2012), filem adalah satu bentuk situasi yang diinspirasikan daripada gambaran kehidupan sebenar. Oleh itu dialog yang digunakan dalam filem juga sedikit sebanyak adalah hasil peniruan komunikasi sebenar. Septianingrum Kartika Nugraha (2014) menyatakan bahawa kebanyakan cerita atau filem memaparkan dialog yang mengandungi implikatur. Kajian yang memfokuskan kepada makna ujaran makna implikatur mampu menjelaskan lagi mesej yang cuba disampaikan dalam filem tersebut. Seterusnya menurut Kartinawati (2011), pengkajian implikatur dalam filem adalah sesuatu yang menarik kerana filem dilihat sebagai medium komunikasi yang bertujuan menyampaikan mesej dan boleh diangkat sebagai

satu karya seni. Dalam filem terdapat banyak dialog yang digunakan berunsur tersirat atau berimplikatur. Oleh itu, bidang pragmatik dapat menganalisis ujaran-ujaran ini. Implikatur sangat penting untuk difahami terlebih dahulu agar analisis maknanya tidak tersasar. Menurut Sarwo Edi Wibowo et al. (2015) Filem adalah satu bentuk penyampaian mesej berdasarkan audio visual yang banyak menggunakan kiasan atau ujaran tersirat. Filem seperti filem genre patriotik adalah filem yang banyak menggunakan ujaran kiasan dalam penyampaian dialog bagi watak yang digambarkan dalam filem tersebut. Hal ini kerana penggunaan ujaran kiasan mampu menyampaikan makna yang tepat bagi filem yang membawa isu yang besar seperti patriotisme atau nasionalisme.

Kajian ini bertitik tolak kepada kajian implikatur yang telah dijalankan sebelum ini. Secara keseluruhan, meskipun telah ada kajian pada peringkat antarabangsa yang memfokuskan kepada implikatur namun pada peringkat tempatan, masih terdapat ruang dalam bidang kajian implikatur yang perlu dikaji. Kajian tempatan mengenai implikatur dalam filem amat sukar diperolehi. Hal ini kerana kajian implikatur sebelum ini banyak tertumpu kepada novel atau ujaran langsung. Oleh itu, berdasarkan permasalahan dan perbincangan yang dikemukakan, perkara ini telah memberi ruang kepada penyelidik untuk menjalankan kajian mengenai implikatur dalam filem.

Objektif kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan implikatur dalam filem patriotik. Pengkaji akan menjelaskan mengenai ujaran berimplikatur dalam filem patriotik dengan mengkhususkan kepada 3 objektif iaitu:

1. Mengetahui pasti penggunaan implikatur dalam filem patriotik.
2. Menganalisis makna implikatur dalam filem patriotik berdasarkan Teori Relevans.
3. Menghuraikan tujuan penggunaan implikatur dalam dialog filem patriotik.

Kepentingan kajian

Kajian ini memaparkan usaha masyarakat pengguna sesuatu bahasa dalam menjaga perasaan atau beradab ketika menyatakan hajat atau kehendak. Kajian ini juga membantu dalam memberi gambaran tentang nilai budi masyarakat khususnya masyarakat Melayu. Orang Melayu bijak menggunakan kata-kata atau ayat yang sopan dalam menyampaikan buah fikiran. Oleh itu, gambaran pendirian orang Melayu yang mementingkan nilai kesantunan akan terserlah menerusi contoh implikatur yang digunakan.

Selain itu menerusi analisis yang dijalankan, ujaran yang berbentuk implikatur atau implisit dapat ditonjolkan. Dengan penerangan dalam kajian penggunaan dan makna implikatur ini akan dapat memberi didikan secara tidak langsung kepada masyarakat tentang cara penggunaan bahasa yang betul serta dapat mengelakkan masalah makna taksa atau kekaburan makna dalam komunikasi. Selain itu juga, kajian ini dapat meningkatkan kefahaman masyarakat tentang implikatur dalam bidang pragmatik. Peningkatan kefahaman tentang implikatur sedikit sebanyak membantu masyarakat dalam memahami ujaran yang tersirat tetapi dinyatakan dalam ujaran yang tersurat. Oleh itu, masyarakat akan berhati-hati dalam menyampaikan sesuatu ujaran kerana setiap ujaran itu boleh ditafsirkan berbeza dengan apa yang dinyatakan penutur.

Seterusnya kajian ini juga dapat dijadikan sebagai pembuka ruang kepada kajian lanjutan oleh pengkaji lain yang ingin meneliti bidang implikatur dari sudut yang berbeza. Kajian implikatur adalah salah satu daripada cabang bidang pragmatik. Pragmatik adalah satu bidang kajian makna berdasarkan situasi. Kajian ini penting untuk menjelaskan tentang makna ujaran agar tidak berlaku salah faham atau kesilapan ketika menginterpretasi makna. Kajian ini juga amat penting untuk memaparkan kehadiran implikatur dalam perbualan apabila seseorang penutur menyampaikan mesej tetapi melibatkan ungkapan ujaran yang secara tersirat menerusi genre filem.

Selain itu kepentingan kajian ini adalah akan membantu penggiat seni filem, khususnya penulis skrip dalam melahirkan perasaan, menggambarkan pemikiran melalui penggunaan implikatur yang tepat dan berkesan. Tambahan pula, kajian ini dapat membantu penulis skrip dalam menggiatkan lagi penggunaan implikatur supaya dapat menarik minat penonton kerana bahasanya yang menarik. Bahasa atau ujaran yang kreatif akan membuka peluang penonton untuk berfikir akan lebih menarik minat penonton. Seterusnya, kajian ini dapat membantu penulis dialog untuk menyampaikan cerita dengan lebih menarik dengan penggunaan implikatur melalui pendedahan yang diberikan dalam kajian ini. Kajian ini dapat memupuk minat di kalangan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus pragmatik untuk terus mendalami bidang ini dan mempertingkatkan lagi tahap pengetahuan mereka.

Batasan kajian

Filem patriotik adalah sebuah filem yang memaparkan jalan cerita yang berkisarkan semangat patriotisme. Patriotisme adalah dikaitkan dengan semangat cinta dan kesetiaan terhadap tanah air. Filem patriotik ini menggambarkan usaha individu atau kumpulan yang berusaha membela tanah air menerusi jalan cerita yang digarapkan dan dipaparkan dalam bentuk audio visual. Dalam kajian ini pengkaji telah membataskan kepada 9 filem patriotik sahaja. Kajian ini memberi tumpuan kepada penggunaan makna seterusnya tujuan implikatur dalam dialog yang terpilih. Pengenal pastian ujaran implikatur diukur berdasarkan ujaran yang membawa makna yang berbeza dari makna literal dan ujaran yang melanggar maksim perbualan yang dikemukakan Grice. Ujaran yang dikenal pasti tersebut kemudiannya dianalisis maknanya berdasarkan Teori Relevans.

Bahan kajian adalah implikatur dalam ujaran watak filem patriotik. Pemilihan dialog yang mempunyai implikatur dipilih berdasarkan kesesuaian dengan bidang pragmatik. Pemilihan ujaran dialog dalam filem tersebut juga dipilih berdasarkan pemerhatian terhadap ujaran yang mengandungi makna tersirat.

Bahan Kajian

Sesuai dengan fokus kajian iaitu menganalisis penggunaan dan makna implikatur dalam filem patriotik, justeru pemilihan bahan adalah berasaskan filem patriotik. Ujaran atau dialog yang mengandungi implikatur dijadikan sebagai data kajian. Ujaran yang dipilih adalah daripada filem *Sarjan Hassan*, *Bukit Kepong*, *Darah Satria*, *Leftenan Adnan*, *Embun*, *Paloh*, *1957 Hati Malaya*, *Tanda Putera*, dan *Bravo 5*. Filem yang dijadikan bahan kajian ini dianggap bersesuaian dengan objektif kajian dan di analisis makna implikatur.

Definisi Operasional

Implikatur

Implikatur merujuk kepada bidang kajian pragmatik yang menganalisis makna ujaran sama ada yang diujarkan secara lisan atau tulisan dalam bentuk pernyataan secara tersurat tetapi mengandungi makna yang tersirat. Implikatur terhasil daripada pelanggaran prinsip kerjasama dan dapat dirujuk sebagai penggunaan bahasa secara berlakap atau beralas.

Filem Patriotik

Filem merujuk kepada gambaran audio visual yang ditayangkan di pawagam atau layar. Gambaran audio visual ini mengandungi lakonan yang mengikut garapan cerita yang telah dikarang. Filem patriotik merujuk kepada filem yang memaparkan semangat, usaha individu atau kumpulan dalam mempertahankan atau menjaga tanah air. Filem patriotik juga dapat digambarkan sebagai sebuah cerita yang mengandungi semangat kemerdekaan sebagai tema utama cerita tersebut.

Pragmatik

Pragmatik merujuk kepada satu bidang kajian makna berdasarkan situasi. Setiap interpretasi makna dalam bidang pragmatik dikaitkan dengan situasi, niat penutur dan cara pendengar menganalisis makna. Secara ringkasnya bidang pragmatik adalah bidang kajian makna menerusi konteks situasi.

Kesimpulan

Bahasa adalah satu sistem yang penting dalam kehidupan manusia, kerana menerusi bahasa manusia mampu bertukar idea, pendapat, mesej atau buah fikiran. Penggunaan bahasa yang beralas atau berlapik yang dikenali sebagai implikatur kadang kala digunakan dalam perbualan. Implikatur merujuk kepada ujaran yang dinyatakan secara eksplisit tetapi mempunyai makna yang implisit. Implikatur turut memaparkan penggunaan ujaran yang tidak dapat dianalisis maknanya menerusi makna literal sahaja. Penggunaan implikatur berkait rapat dengan bidang pragmatik yang merupakan satu bidang linguistik kajian makna berdasarkan konteks situasi. Maksim perbualan dan Teori Relevans dijadikan sebagai panduan utama dalam menganalisis makna implikatur yang terkandung dalam ujaran dialog filem patriotik.



RUJUKAN

- Abdullah Hassan (2009). *Mengapa Kami Bantah!*. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Asim Gunarwan. (2007). Implikatur Dan Kesantunan Berbahasa: Beberapa Tilikan Dari Sandiwara Ludruk. In, *Pertemuan Linguistik Pusat Kajian Bahasa Dan Budaya Atma Jaya Ketujuh Belas* (Pp. 85-120). Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Amirah Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin. (2013). Implikatur Dalam Kes "Pembunuhan Noritta": Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa* , 13 (1), 28-38.
- Angelina Subrayan Michael & Chitra Muthusamy. (2015). Conversational Implicature And Cooperativeness In D.H Lawrence's Sons And Lovers. *Journal Of Creative Practices In Language Learning And Teaching (Cplt)* , 3 (2), 46-61.
- Ariel. M. (2010). *Defining Pragmatics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri. (2014, September 18). Semangat Patriotisme Perlu Dijiwai, Bukan Sekadar Simbolik. *Berita Harian Online*. Retrieved January 12, 2017, From. <https://www.bharian.com.my/node/6611>
- Ahmad Rahman Ahmad Hanafiah. (2007). Elemen Patriotik Dalam Filem P.Ramlee. *Forum Bicara Seni Seniman Agung P.Ramlee -Seniman Sepanjang Zaman*. Pulau Pinang.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd (2010). *Kamus Pepatah, Bidalan & Perumpamaan Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Pts Publications.
- Ahmad Fuad Mat Hassan & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2010). *Pengkategorian Peribahasa Melayu Berdasarkan Aspek Nilai Dan Pemikiran: Satu Analisis Pragmatik*. Retrieved December 10, 2012, From <http://sastra.um.ac.id/wpcontent/uploads/2010/01>.
- Ahmed Mohammed Saleh Alduais. (2012). Conversational Implicature (Flouting The Maxims): Applying Conversational Maxims On Examples Taken From Non-Standard Arabic Language, Yemeni Dialect, An Idiolect Spoken At Ibb City. *Journal Of Sociological Research* , 3 (2), 376-387.
- Amirah Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin. (2013). Implikatur Dalam Kes "Pembunuhan Noritta": Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa* , 13 (1), 20-38.
- Brown, G. (1996). *Analisis Wacana*. (I. Soetikno, Trans.) Jakarta: Pt Gramedia Pustaka Umum.
- Bontly, T. D. (2005). Modified Occam's Razor: Parsimony, Pragmatics, And The Acquisition Of Word Meaning. *Mind & Language* , 20 (3), 288-312.

- Bach, K. (2012). Saying, Meaning, And Implicating. In K. A. Jaszczolt (Ed.), *The Cambridge Handbook Of Pragmatic*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Clark, B. (2013). *Relevance Theory*. New York: Cambridge University Press
- Carston, R. (2016). Linguistic Conventions And The Role Of Pragmatics. *Mind & Language* , 31 (5), 612-624.
- Cruse, A. (2010). *Meaning In Language: An Introduction To Semantics And Pragmatics*. Oxford: Oxford University Press.
- Clark, B. (2013). *Relevance Theory*. New York: Cambridge University Press
- C Carston, R. (2004). Relevance Theory And The Saying/Implicating Distinction. In G. W. Laurence Horn, *The Handbook Of Pragmatics*. Wiley.
- Davies, B. L. (2007). Grice's Cooperative Principle: Meaning And Rationality. *Journal Of Pragmatics* , 39, 2308-2331.
- Dahlman, R. C. (2013). Conversational Implicatures Are Still Cancellable. *Journal Acta Analytica* , 28 (3), 321-327.
- Desilla.L (2012). Implicatures In Film: Construal And Functions In Bridget Jones Romantic Comedies. *Journal Of Pragmatics* , 44 (1), 30-53.
- Dini Sri Istiningdias Dan Juli Yani. (2014). Implikatur Percakapan Dalam Film Habibie Dan Ainun. *Konferensi Linguistik Universitas Airlangga*, (Pp. 444-530). Surabaya.
- Grice, H.P. (1989). *Studies In The Way Of Words*. Harvard University Press.
- Goatly. A. (2012). *Meaning And Humour*. New York: Cambridge University Press.
- Griffiths, P. (2006). *Introduction To English Semantics And Pragmatics*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Ghani Ismail & Azman Che Mat. (2008). Makna Implikatur Dalam Novel Sasterawan Negara Arena Wati. *Seminar Antarabangsa Linguistik Dan Kebudayaan Bahasa Melayu Ke-4*, (Pp. 178-182).
- Grundy, P. (2000). *Doing Pragmatics*. New York: Oxford University Press.
- Griffiths, P. (2006). *Introduction To English Semantics And Pragmatics*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Harimurti Kridalaksana. (2005). Bahasa Dan Linguistik. In Untung Yuwono (Ed), *Pesona Bahasa: Langkah Awal Memahami Linguistik* (Pp. 3-14). Jakarta: Penerbit Pt Gramedia Pustaka Utama.
- Harris Edryanto. 2012. "Implikatur Percakapan Tokoh Wanita Dan Tokoh Laki-Laki Dalam Film "Lari Dari Blora" Karya Akhlis Suryapati". Jombang: Stkip PGRI Jombang.

- Husnah. (2014). Implikatur Percakapan Dalam Novel Pesona Izmir. *Jurnal Nosi* , 2 (6), 573-591.
- Horn, L. (2012). Implying And Inffering. In K. A. Jaszczolt (Ed.), *The Cambridge Handbook Of Pragmatic*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hamidah Abdul Wahab & Siti Marina Kamil (2012). Peribahasa Cerminan Budi Bahasa Dan Budaya Bangsa Melayu. *Issues In Language Studies* , 1 (1), 34-37.
- Hasmidar Hassan. (2007). Kata Hubung "Dan": Satu Analisis Semantik Dan Pragmatik. In *Linguistik: Teori Dan Aplikasi* (Pp. 166-185). Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2015). Pengaruh Media Terhadap Pilihan Parti Dalam Kalangan Mahasiswa Universiti Awam Di Lembah Klang. *Jurnal Personalia Pelajar* , 18 (1), 13-28.
- Junaiyah H.M Dan E. Zaenal Arifin. (2010). *Keutuhan Wacana*. Grasindo.
- Kartinawati. Dini. 2011. "Implikatur Dalam Film La Vie En Rose". *Tesis* (Tidak Diterbitkan). Makasar: Universitas Hasanuddin
- Kleinke, S. (2010). Speaker Activity And Grice's Maxims Of Conversation At The Interface Of Pragmatics And Cognitive Linguistics. *Journal Of Pragmatics* , 42, 3345-3366.
- Levinson, S. C. (1983). *Pragmatics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mary Fatimah Subet. (2012) *Teori Relevans (Tr) Dalam Personifikasi*. In Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Norsimah Mat Awal, Harishon Radzi (Eds.). *Pemantapan Dan Pembinaan Ilmu Linguistik Berasaskan Korpus* (Pp.116-129). Selangor. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Aris Anis & Ahmad Esa. (2012). Komunikasi Berimplikatur: Fungsi Dan Peranannya Dalam Masyarakat Melayu Tradisional. *Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa*. Kuala Lumpur.
- Maslida Yusuf. (1999). Makna Bukan Literal: Kes Metafora Dan Hiperbola. *Jurnal Dewan Bahasa* , 4-9.
- Mohd Ghazali Abdullah. (2008). Pemikiran Melayu Dalam Filem Malaysia Abad Ke-21. *Jurnal Melayu* , 3, 179-218.
- Mary Fatimah Subet. (2015). Sajak "Pelacur Tua": Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa* , 15 (1), 113-142.
- Maimunah Ibrahim. 1999. Implikatur Dalam Iklan. *Tesis* (Tidak Diterbitkan). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Meor Ahmad Noor Mior Hamzah. (2001). Konsep Sempadan Negeri Dalam Masyarakat. *Jati : Journal Of Southeast Asian Studies* , 6, 69-104.
- Mooney, A. (2004). Co-Operation, Violations And Making Sense. *Journal Of Pragmatics* , 36, 899-920.
- Mukaro, L. (2013). Violation Of Conversational Maxims In Shona. *Journal Of Comparative Literature And Culture (Jclc)* , 2 (4), 161-168.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1992). Implikatur: Satu Aspek Seni Berbahasa Orang Melayu. *Dewan Bahasa* , 1 (3), 676-690.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1992). *Semantik Dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Normaliza Abd Rahim & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2008) *Kiasan Melayu Sebagai Khazanah Bangsa Melayu*. Cendekia: Kumpulan Esei Bahasa, Sastra Dan Budaya Melayu. Fbmk. Upm Serdang. 120-131
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2003). *Bahasa Dalam Perniagaan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Nur Hafizah Razali & Normaliza Abd Rahim (2016). Makna Ujaran Masyarakat Banjar Dari Sudut Pragmatik. *Journal Of Business And Social Development* , 4 (1), 55-64.
- Peccei, J. S. (1999). *Pragmatics*. London: Routledge.
- Pop, A. (2012). Implicatures Derived Through Maxim Flouting In Print Advertising: A Contrastive Empirical Approach. *Toronto Working Papers In Linguistics (Twpl)* , 33.
- R. Kunjana Rahardi. (2005). *Pragmatik: Kesantunan Imperatif Bahasa Indonesia*. Jakarta: Erlangga.
- Radiah Yusuf & Nor' Aini Ismail. (2000). Weltanschauung Semantik Melayu Terhadap Sungai: Kajian Makna Tak Harfiah Dalam Bahasa Kiasan. *Jurnal Dewan Bahasa* , 44 (7), 738-748.
- Raja Shaharudin Raja Mohamad & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2015). Penggunaan Implikatur Sebagai Medium Penjelasan Akidah. *Jurnal Linguistik* , 19 (2), 1-9.
- Sarwo Edi Wibowo, Reni Nuraeni , Syarif Maulana (2015). Representasi Patriotisme dalam Film Saving Private Ryan. *e-Proceeding of Management* , 2 (3), 4167-4174.
- Sperber, D. & Wilson, D. (1986). *Relevance Communication And Cognition*. Cambridge: Harvard University Press.

- Sperber, D. & Wilson, D. (1999). *Relevans Komunikasi Dan Kognisi*. (N. H. Jalaluddin, Trans.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Sperber, D. & Wilson, D. (2012). *Meaning And Relevance*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Sperber, D. & Wilson, D. (1988). Representation And Relevance. In Kempson.R. (Ed.), *Mental Representation* (Pp. 133-153). Cambridge: Cambridge University Press.
- Sperber, D. & Wilson, D. (1998). Pragmatics And Time. In, *Relevance Theory Applications And Implications* (Pp. 1-22). Amsterdam: John Benjamins Publishing.
- Syed Mussaddad Syed Mahdi. (2012, September 22). Filem Bangkitkan Nasionalisme. *Utusan Online*. Retrieved January 12, 2017, From. [Http://Ww1.Utusan.Com.My/Utusan/Hiburan/20130922/Hi_09/Filem-Bangkitkan-Nasionalisme](http://Ww1.Utusan.Com.My/Utusan/Hiburan/20130922/Hi_09/Filem-Bangkitkan-Nasionalisme)
- Septianingrum Kartika Nugraha. (2014). Analisis Implikatur Pada Film Forrest Gump Dan Pengaruhnya Terhadap Kualitas Terjemahan (Pendekatan Pragmatik). *Jurnal Diglossia* , 5 (2), 106-119.
- Shahnon Ahmad. (2006). *Setitis Embun Semarak Api*. Selangor: Alaf 21.
- Sudaryono. (1999). Ketaksaan Dalam Komunikasi Verbal. In Hasan Alwi, Dendy Sugono (Ed), *Telaah Bahasa Dan Sastra: Persembahan Kepada Prof. Dr. Anton M. Moeliono* (Pp. 95-109). Jakarta: Pusat Pembinaan Dan Pengembangan Bahasa.
- Suraiya Chapakiya. (2015). *Asas Linguistik*. Selangor: Pts Akademia.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2010). *Pragmatik Linguistik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Thomas, J. (1995). *Meaning In Interaction: An Introduction To Pragmatics*. London: Longman.
- Tillmann, M. B. (2013). Conversational Implicatures (And How To Spot Them). *Philosophy Compass* , 8 (2), 170-185.
- Uqbah Iqbal, Ahmad Ali Seman, Nordin Hussin . (2016). *Sejarah Perkembangan Nasionalisme Melayu Sebelum Kemerdekaan*. Bookrix.
- Wearing, C. (2006). Metaphor And What Is Said. *Mind & Language* , 21 (3), 310-332.
- Wong Shia Ho. (2014). Makna Penutur Dalam Ayat Teks Ucapan Tunku Abdul Rahman: Satu Analisis Teori Relevan. *Pendeta Journal Of Malay Language, Education And Literature* , 5, 208-239.
- Wong Shia Ho. (2014). Ungkapan Implisit Dalam Berita Bola Sepak Piala Dunia 2014: Analisis Pragmatik. *Jurnal Bahasa* , 219-238.

- Wong Shia Ho. (2013). Bahasa Figuratif Sebagai Wahana Pemikiran: Satu Analisis Pragmatik. *Jurnal Bahasa* , 39-63.
- Winda Sulistyowati. (2014). Pelanggaran Prinsip Kerjasama Dan Implikatur Percakapan Dalam Film Petualangan Sherina Karya Riri Riza. *Skriptorium* , 2 (2), 126-134.
- Xin, W. (2015). Cooperative Principle In English Euphemism. *English Language Teaching* , 3 (1), 11-14.
- Yule, G. (2006). *The Study Of Language* (Third Ed.). Cambridge: Cambridge University Press.
- Yunita Nugraheni. (2011). Implikatur Percakapan Tokoh Wanita Dan Tokoh Laki-Laki Dalam ilm Harry Potter And The Goblet Of Fire. *Jurnal Lensa* , 1 (2), 183-193.
- Yule, G. (1996). *Pragmatics*. Oxford(London): Oxford University Press
- Yan Huang. (2015). *Pragmatik*. (Puteri Roslina Abdul Wahid, Trans.) Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Yendra. (2016). *Mengenal Ilmu Bahasa (Linguistik)*. Yogyakarta: Deepublish.
- Yassir Nasanius. (2007). Menyibak Kompetensi Sintaksis Pemelajar Bahasa Kedua Melalui Pandangan Chomsky. *Pelbba 17: Pertemuan Linguistik Pusat Kajian Bahasa Dan Budaya Atma Jaya: Kedelapan Belas* (Pp. 169-193). Jakarta: Pusat Kajian Basa Dan Budaya Unika Atma Jaya.
- Yahya Othman (2005). Budi Bahasa Dalam Pengajaran Bahasa. *Jurnal Dewan Bahasa*,31-33.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2006). *Memahami Pertuturan Kanak-Kanak Melalui Analisis Pragmatik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Zulkifley Hamid. (2006). *Aplikasi Psikolinguistik: Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa*. Selangor: PTS Akademia.